

Empat IPT rebut gelaran UNIMAS International Regatta 2019

UB 19.10.2019 20

KUCHING: UNIMAS International Regatta 2019 bakal menyaksikan empat pasukan Institut Pengajian Tinggi (IPT) berentap merebut gelaran juara dalam Kategori Perahu Naga bermula hari ini dan berakhir esok.

Sementara itu, dua IPT tempatan dan dua lagi pasukan antarabangsa dari negara Indonesia dan Brunei turut menghantar pasukan masing-masing.

Mereka adalah pasukan dari Universiti Brunei Darussalam (Brunei), Universiti Tanjung Pura (Indonesia), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak.

Manakala acara kayak terbuka bakal menyaksikan kayuhan padu daripada peserta-peserta dari UNIMAS, UiTM Sarawak, Universiti Malaysia Sabah Kampus Labuan (UMSKAL), Sarawak Sports Corporation (SSC) dan



GIAT BERLATIH: Latihan pasukan-pasukan yang bertanding bermula sejak awal minggu ini.

perseorangan.

Berberapa kategori dipertandingkan iaitu kategori Perahu Naga Lelaki IPT (12 pekayuh), Perahu Naga Campuran IPT (12 pekayuh;

8 lelaki + 4 wanita), Kayak Perseorangan Lelaki 200m, Kayak Perseorangan Wanita 200m, Kayak Beregu Lelaki 200m, Kayak Beregu Wanita 200m.

Juga Kategori Kayak Bergu Campuran 200m, Kayak Perseorangan Lelaki 500m, Kayak Perseorangan Wanita 500m, Kayak Beregu Lelaki 500m, Kayak Beregu Wanita 500m

dan Kayak Beregu Campuran 500m.

Sehubungan itu, pasukan-pasukan yang bertanding telah menjalani latihan di tasik UNIMAS sejak awal minggu ini.